

SPEKTRUM@PSN

Edisi Februari 2014

Apa yang menarik bulan ini?

- Kuasai ketakutan anda melalui pameran 'Science of Fear' di PSN... 1
- Tempoh pameran '1001 Inventions' dilanjutkan sehingga 31 Mei 2014... 2
- Program Familiarization beri pendedahan kepada bakal guru... 2
- Sana-sini PSN... 3
- Info Sains... 3
- Program Menarik Akan Datang... 4
- Judul Buku Untuk Bulan Ini... 4
- Jom Kenali Bahan Pameran... 4

Sebarang pertanyaan atau maklumbalas boleh menghubungi:

**Pusat Sains Negara,
Kem. Sains, Teknologi dan
Inovasi,
Persiaran Bukit Kiara,
50662 Bukit Kiara
Kuala Lumpur
Tel: 03-20893400
Faks: 03-20893401
www.psn.gov.my
www.facebook.com/PusatSainsNegara**



KUASAI KETAKUTAN ANDA MELALUI PAMERAN 'SCIENCE OF FEAR' DI PSN

Pameran 'Science of Fear' anjuran Pusat Sains Negara yang dibawa dari Jepun merupakan sebuah pameran yang bertemakan ketakutan. Pameran ini mula dibuka kepada pengunjung pada 30 Disember 2013 bertempat di Pusat Sains Negara, Kuala Lumpur dan akan berakhir pada 30 April 2014. Sehingga kini, pameran 'Science of Fear' dilihat mendapat impak yang cukup baik daripada respon pengunjung yang hadir.

Objektif penganjuran pameran ini adalah untuk menyingkap dan meleraikan persoalan tentang kewujudan perasaan takut melalui paparan elemen-elemen seram yang mampu mencetus perasaan takut dalam minda manusia. Perasaan dan emosi ini diterangkan melalui penemuan kajian saintifik bagi membuktikan bahawa perasaan takut wujud disebabkan peranan otak manusia.

Kepada yang masih belum merasai pengalaman menyeramkan ini, tiket boleh didapati dengan harga RM8 bagi dewasa dan RM5 bagi kanak-kanak. Untuk sebarang info lanjut mengenai pameran ini boleh menghubungi Pusat Sains Negara di talian 03-20893400 atau melayari laman web www.psn.gov.my serta facebook Pusat Sains Negara.



TEMPOH PAMERAN '1001 INVENTIONS' DILANJUTKAN HINGGA 31 MEI 2014

Pameran '1001 Inventions: Kegemilangan Tamadun Muslim' anjuran Science Discoveries Sdn. Bhd. dengan kerjasama Pusat Sains Negara telah mula dibuka kepada pengunjung mulai 31 Ogos 2013 dan dijadualkan berakhir pada 28 Februari 2014. Namun demikian, Pusat Sains Negara telah melanjutkan tempoh pameran tersebut sehingga 31 Mei 2014.

Pameran yang bertempat di Pusat Sains Negara ini menyediakan bahan pameran yang interaktif melalui 5 zon utama iaitu *Engineering Zone*, *Hospital Zone*, *Universe Zone*, *School Zone* dan *World Zone*. Objektif pameran ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai pencapaian saintifik dan kebudayaan tamadun Islam pada kurun ke-7 hingga ke-14. Di samping itu, pameran ini juga mampu memberi inspirasi kepada masyarakat terutamanya golongan muda untuk menanam minat dan menggalakkan penglibatan mereka dalam bidang STI.

Kepada yang masih tidak berpeluang mengunjungi pameran ini boleh mendapatkan tiket dengan harga RM20 bagi dewasa dan RM15 bagi kanak-kanak. Sebarang info lanjut mengenai pameran ini boleh terus menghubungi pihak Science Discoveries di talian 03-78045122 atau melayari laman web www.1001inventions.com.my.



PROGRAM FAMILIARIZATION BERI PENDEDAHAN KEPADA BAKAL GURU

Pusat Sains Negara telah bekerjasama dengan Bahagian Pendidikan Guru dan Bahagian Perkembangan Kokurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia untuk mengadakan Program *Familiarization*. Program tahunan anjuran Pusat Sains Negara ini telah berlangsung pada 15 Februari 2014 bertempat di Pusat Sains Negara, Kuala Lumpur yang melibatkan seramai 28 orang peserta daripada IPG Kampus Bahasa Antarabangsa Kuala Lumpur.

Penganjuran program sehari ini adalah untuk memberi pendedahan kepada para guru mengenai perkhidmatan dan produk yang ditawarkan oleh Pusat Sains Negara. Tujuannya adalah untuk memudahkan mereka merancang lawatan ke Pusat Sains Negara kepada pelajar-pelajar di sekolah. Peserta yang terlibat adalah terdiri daripada guru-guru Sains dan Matematik daripada sekolah rendah dan menengah serta guru pelatih Institut Pendidikan Guru Malaysia.

Sepanjang program ini berlangsung, para peserta telah diberi peluang menyertai program Keajaiban Sains dan *Science Show*. Di samping itu, mereka juga turut dibawa melawat ke galeri-galeri yang terdapat di Pusat Sains Negara.



SANA-SINI PSN...

Kelana Sains (*Outreach*)

25-27 Januari 2014
Kemaman, Terengganu



Kem Teknologi Hijau Negeri Sabah (*Outreach*)

27 Feb. – 2 Mac 2014
Kota Kinabalu, Sabah

Kelana Sains (*Outreach*)
27-28 Februari 2014
Universiti Sains Islam Malaysia
Nilai, Negeri Sembilan



INFO SAINS



Tahukah anda?

Badan seorang lelaki mengandungi kira-kira 6.8 liter darah berbanding wanita yang hanya memiliki kira-kira 5 liter darah.



PROGRAM MENARIK AKAN DATANG...

❖ Pameran '1001 Inventions'

31 Ogos 2013 – 31 Mei 2014
Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur

❖ Pameran 'Science of Fear'

30 Disember 2013 – 30 April 2014
Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur

❖ festival 'Science of Fear'

22-23 Mac 2014
Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur

❖ Program Cuti Sekolah

24-30 Mac 2014
Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur

Jom Kenali Bahan Pameran




Nama: Pengurusan Air

Lokasi: Galeri *Wonderspark*

Fungsi: Melalui bahan pameran ini, pengunjung akan belajar bagaimana untuk mengagihkan air kepada seksyen berlainan seperti penggunaan rumah, pertanian dan industri. Pengunjung boleh mencuba cara terbaik untuk mebekalkan air kepada semua seksyen tanpa menyebabkan kehabisan air.



JUDUL BUKU UNTUK BULAN INI



GET YOUR BRAIN IN THE FAST LANE

Penulis: Michel Noir & Bernard
Croisile

Buku ini melatih otak melalui lebih daripada 100 jenis aktiviti kreatif dan menarik. Teka-teki direka khusus untuk merangsang, membangunkan dan menambah baik lima bidang kognitif utama otak anda iaitu memori, perhatian, kemahiran bahasa, pengiktirafan visual dan ruang serta hujah.